

07/10/2001

Bangkai gajah takkan boleh ditudung dengan nyiru

Razali Yahya

BANGKAI gajah takkan boleh ditudung dengan nyiru. Begitulah gambaran pilu nasib malang sebilangan besar pemain bola sepak JKR Kelantan yang masih terumbang-ambing akibat teraniaya apabila hak mereka dinafikan. Apa yang pasti, peribahasa Melayu tadi cukup jelas untuk menerangkan bahawa segala perbuatan buruk atau tidak baik, lambat-laun akan terbongkar juga.

Pendedahan `orang lama' Abdullah Mohamad yang sudah sekian lama terbabit dengan `sepak terajang' arena bola sepak tanah air harus dipandang secara positif. Sekalipun, pihak-pihak tertentu di negeri Cik Siti Wan Kembang terutama pengurusan kelab JKR Kelantan kurang senang dengan pendedahan terbuka yang dibuat oleh Abdullah, kita berpendapat pengakuan pedih yang diluahkan oleh `Cikgu Dollah' itu bukan berniat untuk memalukan sesiapa. Jauh di sudut hatinya memang cukup berat untuk meluahkan apa yang terbuku sejak dilantik sebagai jurulatih kelab berkenaan.

Sebagai jurulatih dan dia sendiri `dekat' dengan pemain-pemain, Abdullah jelas tidak mahu lari daripada tanggungjawab. Apa yang pasti kehiba-an Abdullah nampaknya lebih bersifat kasih seorang ayah yang hatinya benar-benar terguris lantaran tidak sanggup melihat anak-anak melarat akibat teraniaya dan hak mereka diregut dengan begitu kejam seolah-olah langsung tidak ada sifat perikemanusiaan pihak pengurusan kelab berkenaan. Bayangkanlah, kalau pihak pengurusan `sampai hati' tidak membayar gaji pemain sejak lima bulan lalu, apakah kita sebagai manusia yang berfikiran waras tergamak berbuat demikian? Kalau gaji tidak dibayar sejak lima bulan lalu, ini keterlaluan, melampau dan `tidak berhati perut'.

Kalaulah ini episod 1001 malam yang dilalui oleh pemain-pemain, siapapun tidak akan tahan. Bayangkanlah, kalau wang tidak ada di tangan sedangkan keperluan harian meruntun untuk dipenuhi. Apabila ini berlaku, emosi pemain pasti terganggu. Jadi, bagaimana mereka boleh bermain dengan baik kalau asyik memikirkan kereta yang mungkin ditarik oleh bank. Lebih teruk dan hiba lagi, ada pemain yang diusir keluar rumah kerana gagal membayar sewa bulanan yang tertangguh sejak lima bulan lalu. Kalau kantung pemain sendiri semakin hari semakin tipis gara-gara tidak dibayar gaji, mereka mahu bayar dengan apa? Kita memang pelik dan hairan kerana sebaik Abdullah mendedahkan isu ini secara terbuka, pihak pengurusan terbabit terus `membisu seribu bahasa' seolah-olah tidak ambil pusingan dengan apa yang berlaku.

Tidakkah terfikir atau tersentuh hati pihak yang terbabit dengan pengurusan kelab JKR Kelantan dengan isu hangat ini? Cuba renung dan bayangkan kalau ianya berlaku atau terkena batang hidung sendiri. Apa perasaan anda? Jika pegawai-pegawai pengurusan kelab berkenaan mempunyai akal yang waras, kita percaya naluri mereka pasti dapat merasakan apa yang dirasai oleh pemain-pemain sejak lima bulan lalu. Cubalah tangani masalah ini dengan telus dan tulus demi masa depan bola sepak Kelantan. Apakah perkara inipun, kita terpaksa merujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir untuk campur tangan? Kalau inipun masih tidak faham, lebih baik mereka yang terbabit `berhenti jadi orang'.

Sebab itulah, pendedahan Abdullah bukan dibuat untuk mencari glamor atau muncul sebagai `hero' dalam isu ini tetapi dia sebenarnya sudah hilang sabar dan tidak dapat lagi membendung rasa simpati yang amat mendalam dengan apa yang dihadapi oleh pemain. Abdullah sudah tidak mampu lagi menasihati anak-anak buahnya supaya terus bersabar. Apabila pemain sudah tidak datang latihan kerana emosi mereka terjejas, Abdullah hanya boleh

mengeluh panjang dan jawapan daripada kegagalan membayar gaji oleh pihak pengurusan kelab JKR Kelantan itu diterjemahkan dalam perlawanan sebenar. Kini, kita semua sudah mengetahui bahawa JKR Kelantan setakat ini sudah tumpas semua perlawanan dan peluang mereka ke suku akhir Piala Malaysia sudahpun berakhir dan mengaibkan.

Semalam, dalam wawancara dengan sebuah televisyen swasta, seorang pegawai Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menyatakan tidak setuju dengan cara Abdullah menghebahkan isu kegagalan pembayaran gaji pemain JKR Kelantan di akhbar dan mahukan isu itu diselesaikan atau ditangani dengan baik. Kita mahu bertanya apakah pegawai FAM sudah turun padang untuk mengetahui lebih dekat apa yang berlaku sebaik isu ini didedahkan kepada umum? Cikgu Dollah bukan orang baru dalam arena bola sepak tanah air. Jika dibuat perbandingan antara pegawai FAM tadi dengan Cikgu Dollah, kita berpendapat bezanya macam bumi dengan langit.

Abdullah adalah bekas pemain kebangsaan era 1970-an dan dia sendiri adalah seorang jurulatih yang berjaya dan dihormati. Sebenarnya Cikgu Dollah bukan mudah bertindak sewenang-wenang untuk melakukan seumpama itu tetapi siapapun akan hilang sabar apabila anak-anak buahnya ada yang sampai diarah keluar rumah kerana gagal membayar sewa bulanan gara-gara tidak dapat gaji sejak lima bulan lalu. Difahamkan Abdullah sudah banyak kali mengemukakan isu ini kepada pihak pengurusan terbabit tetapi maklum balas yang diterima cukup mengecewakan. Tindakan Abdullah itu umpama 'anjing menyalak bukit'. Apa yang pasti, bukit tidak runtuh tetapi lama-kelamaan anjing itu mati keletihan kerana terlalu lama menyalak.

Jadi, kalau pihak pengurusan terbabit terus membisu dan tidak nampak sebarang tanda-tanda atau usaha untuk menyelesaikan isu gaji pemain, Abdullah telah memikirkan semasak-masaknya dan jalan terbaik ialah mendedahkan kepada umum dengan hasrat nasib malang pemain dapat pembelaan adil. Dalam hal ini, kita tidak nampak apa FAM boleh lakukan untuk mengatasi masalah ini. Jawapan paling popular jika diajukan soalan kepada pegawai badan induk bola sepak kebangsaan itu ialah "itu masalah gabungan atau kelab, kita tidak boleh campur tangan. Kita di pihak FAM hanya boleh menegur atau menasihati." Itu memang betul, tetapi sebagai badan induk bola sepak kebangsaan, FAM tidak dapat tidak harus segera bertindak menjadi orang tengah bagi menamatkan isu ini daripada berpanjangan.

Kalau pegawai-pegawai FAM terus mengatakan isu itu atau ini adalah masalah gabungan atau kelab, sampai bilapun martabat bola sepak negara tidak akan ke mana. FAM sewajarnya boleh bertindak sebagai 'bapa' untuk meredakan masalah anak-anak di bawahnya. Kalau FAM tidak berfungsi atau bertindak demikian, siapa lagi harus membantu menangani masalah ini. Kita perlu ingat, kalau di peringkat kelab atau negeri terus-menerus bergolak, bagaimana bakat-bakat muda di peringkat akar umbi dapat diketengahkan. Kalau isu gaji kerap menjadi masalah, tentu sekali pemain hilang semangat. Bila ini berlaku, tidak mungkin akan lahir pemain berwibawa untuk diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi.

FAM perlu ingat bahawa pembentukan sebuah pasukan mantap di peringkat kebangsaan adalah hasil yang dilahirkan oleh kelab-kelab bola sepak serta gabungan di peringkat negeri. Justeru itu, kita akui FAM tidak boleh sesuka hati campur tangan tetapi sebagai badan induk kebangsaan, FAM masih ada kuasa untuk turun menangani isu berbangkit itu daripada terus berpanjangan. Kegagalan FAM bertindak sebagai 'payung' akan memberikan imej yang kurang baik terhadap masa depan bola sepak negara secara menyeluruh. Untuk itu, hentikanlah 'kata-kata keramat' pegawai-pegawai FAM bahawa mereka tidak boleh campur tangan dengan masalah gabungan negeri apabila sesuatu isu timbul.

Paling menyedihkan, bola sepak negara sudah memasuki era profesional sejak 1980-an lagi. Sepatutnya, FAM sebagai badan tertinggi juga perlu

profesional dalam memantau semua persatuan di bawahnya dan bukannya membiarkan gabungan seratus peratus memandu sendiri persatuan mereka. Kita kena akui bahawa sebilangan besar pegawai, baik di peringkat kelab, negeri mahupun di peringkat kebangsaan, tidak semuanya benar-benar profesional dalam kancah bola sepak moden. Kalau melihat atau meneliti bahawa kita sudahpun memasuki era profesional, perkara-perkara seperti isu kegagalan membayar gaji pemain tidak akan timbul. Contohnya cukup jelas, orang nombor satu dan nombor dua dalam FAM datang dari Pahang, tetapi Pahang juga tidak terlepas dengan isu gaji pemain musim lalu. Jadi, apa semuanya ini?

Bila kita tegur, maka melentinglah pegawai-pegawai FAM yang lain sehingga sampai tidak cukup kaki tangan untuk menutup isu ini. Hujung-hujung, akhbar dipersalahkan kerana menjadikan isu gaji sebagai sensasi untuk melariskan jualan. Inilah masalahnya. Bila kita berbicara mengenai bola sepak profesional, maka ianya harus dijuruskan secara profesional. Oleh itu, akhbar juga profesional dan pendedahan isu itu dibuat bagi memastikan bola sepak negara dapat dikendalikan secara profesional dan seterusnya dapat mengembalikan imej Malaysia di persada antarabangsa.

Kita berharap isu pembayaran gaji yang dihadapi pemain kelab JKR Kelantan dapat diselesaikan dengan baik. Kita juga sama sekali tidak mahu isu ini terus timbul dan menjadi masalah kepada pemain pada masa akan datang. Ini kerana untuk tahun depan, FAM sudah meminta semua persatuan negeri membuat pemilihan bijak membeli pemain import bagi mengharungi cabaran Liga Malaysia musim depan. Diharapkan, FAM perlu lebih keras dalam hal ini dan jangan sampai isu pembayaran gaji masih berlaku musim depan. Jika ini berulang, bukan sahaja imej FAM akan tercalar, malah nama Malaysia juga tercemar di persada antarabangsa.

(END)